

SUATU KAJIAN ANALISIS TERHADAP
BEBERAPA FAHAMAN SYEIKH 'ABD AS-
SAMAD AL-FALIMBĀNĪ DALAM TASAWUF
DENGAN MERUJUK KEPADA KITAB *SIYAR*
AS-SĀLIKĪN

MOHD.ADLI BIN MOHAMED AMIN

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
1998

Perpustakaan Universiti Malaya



A509084646

Dimikrofilkan

No. Mikrofil.

Jumlah Mikrofil.

27. 04 - 2000

14581

5

HAMSIH BT. MOHAMMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, penulis memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas segala nikmat dan rahmat serta taufik hidayah Nya ke atas diri penulis.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada yang berbahagia Ustaz Abdul Aziz Awang Kechik selaku penyelia serta Prof. Madya Pauzi Awang selaku penyelia bersama kepada penulis yang telah bersusah payah mengorbankan masa dan tenaga dalam membimbing, memberi nasihat serta tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan khas juga kepada semua ahli keluarga yang sentiasa memberi perangsang serta dorongan untuk terus berusaha. Semoga kita semua berada di bawah naungan serta keredaan Allah s.w.t.

Mohd.Adli Bin Mohamed Amin
Lot 928, Kg.Kasar,
17000 Pasir Mas
Kelantan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan suatu analisa terhadap beberapa fahaman tasawuf Syeikh °Abd as-Şamad al-Falimbānī, salah seorang ulama sufi melayu yang hidup pada abad ke-18. Pendekatan kajian ini adalah bercorak sejarah, perbandingan dan kritikan. Kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian; bahagian pertama mengandungi satu bab yang membincangkan ilmu tasawuf secara ringkas iaitu di segi pengertian, sumber, sejarah perkembangan di samping menyentuh secara umum perkembangan tasawuf dan permasalahannya di Alam Melayu. Bahagian kedua mengandungi satu bab yang membicarakan tentang latarbelakang al-Falimbānī, sejarah pendidikan beliau, karya-karya serta pengaruh beliau di Alam Melayu, termasuk suatu pengenalan kepada karya beliau *Siyar as-Sālikin*. Bahagian ketiga pula mengandungi empat bab yang membicarakan beberapa fahaman beliau dalam tasawuf. Bab dimulakan dengan bab ketiga yang membicarakan tentang konsep ilmu dan pendidikan Syeikh al-Falimbānī. Bab keempat membincangkan konsep zikir beliau yang merangkumi sumber pengambilan, kaedah pelaksanaan dan kesan pengamalannya. Bab lima membicarakan tentang konsep manusia di segi psikologi kerohanian dalam pengabdian diri kepada Allah s.w.t. yang menjurus kepada penyucian diri. Bab enam pula membicarakan tentang konsep tauhid dan cara merealisasikan aspek tersebut. Kajian ini diakhiri dengan satu penutup yang menerangkan suatu kesimpulan secara menyeluruh bab-bab terdahulu.

ABSTRACT

This research aims to explain an analysis on a few ideologies on Sufism of Syeikh °Abd as-Şamad al-Falimbānī, one of the Malay sufist who lived during the 18th century. The approach of this research is of historical, comparative and critical basis. In the light of the aforementioned aim this research has been set out into three parts. The first part contains a chapter which discusses briefly on sufism in respect of its meaning, source of extraction, historical development besides touching the development of sufism and its problems in the Malay world generally. The second part comprises a chapter dealing with the background of al-Falimbānī as well as his educational background, contributions and its influence to the Malay world. It also includes an introduction of his work *Siyar as-Sālikin*. The third part consists of four chapters which discuss the concept of knowledge and education of al-Falimbānī. The fourth chapter attempts to discuss the concept of *zikr* covering its source of extraction, method of implementation and its spiritual psychology in the submission to Allah s.w.t. which more inclined to self-purification. The sixth chapter revolves around the concept of *tawhid* and the way realising it. This research ends with an explanation of the summary of all previous chapter.

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Malaysia, melainkan dalam mengeja beberapa istilah, nama atau gelaran dalam bahasa Arab.

1. Huruf

<u>Latin</u>	<u>Arab</u>	<u>Transliterasi</u>	<u>Latin</u>	<u>Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
Hamzah	ء	= a/‘	Ḍad	ض	= ḍ
Bā’	ب	= b	Tā’	ط	= ṭ
Tā’	ت	= t	Zā’	ظ	= z
Thā’	ث	= th	‘Ayn	ع	= ‘
Jim	ج	= j	Ghayn	غ	= gh
Ḥā’	ح	= ḥ	Fā’	ف	= f
Khā’	خ	= kh	Qāf	ق	= q
Dāl	د	= d	Kāf	ك	= k
Dhāl	ذ	= dh	Lām	ل	= l
Rā’	ر	= r	Mim	م	= m
Zay	ز	= z	Nūn	ن	= n
Sīn	س	= s	Waw	و	= w
Syīn	ش	= sy	Hā’	ه	= h
Ṣād	ص	= ṣ	Yā’	ي	= y

2. Vokal Pendek

		<u>contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
----- /	a	سُنَّ	<i>sun<u>a</u>n</i>
----- /	i	سِي	<i>Siyar</i>
----- ع	u	مُتَقَدِّمَةٌ	<i>mu<u>q</u>addimah</i>

3. Vokal Panjang

		<u>contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
----- ا / -	ā	السَّادِيَّةُ	<i>asy-Syā<u>d</u>hiyah</i>
----- ي	i	طَرِيفَةٌ	<i>ṭar<u>i</u>qat</i>
----- و	ū	دَاوُدَ	<i>Dā<u>w</u>ūd</i>

4. Diftong

		<u>contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
و	aw	قَوْمٌ	<i>qaw<u>w</u>m</i>
ي	ay	بَيْتٌ	<i>bay<u>t</u></i>
يَ	īy	عَلِيَّةٌ	<i>aqliyah</i>
وِ	ūw	قَوَّةٌ	<i>qū<u>w</u>wah</i>

5. Tâ' Marbûtah

	<u>contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
1. Di akhir perkataan	طريقَة	<i>ṭarīqah</i>
2. Perkataan berganda	طريقَة السّاذليّة	<i>ṭarīqat asy-Syādhiliyah</i>

6. Alif Lām

	<u>contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
1. Alif Lām Qamariah – dibunyikan huruf Lām	اليقين	<i>al-yaqīn</i>
2. Alif Lām Syamsiyah – dibunyikan mengikut huruf yang bersabdu	السّاذليّة	<i>asy-Syādhiliyah</i>

KEPENDEKAN

a.s	=	<i>‘alayhi as-salām</i>
B.K.I.	=	Bijdragen Tot De Taal Land En Volkende
cet.	=	Cetakan
dll.	=	dan lain-lain
E.B.	=	Encyclopaedia of Britannica
E.I. ¹	=	Encyclopaedia of Islam
E.I. ²	=	Encyclopaedia of Islam (New Edition)
E.I.(s)	=	Shorter Encyclopaedia of Islam
E.R.E.	=	Encyclopaedia of Religion and Ethic
ed.	=	Edit
eds.	=	Edisi
G.A.L.	=	Geschichte Der Arabishen Litteratur
G.A.L.(s)	=	Geschichte Der Arabishen Litteratur (Supplement)
H.	=	Hijrah
hlm.	=	Halaman
Hidāyat	=	<i>Hidāyat as-Salikīn</i>
Ihyā’	=	<i>Ihyā’ ‘Ulūm ad-Dīn</i>
J.M.B.R.A.S.	=	Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society
J.R.A.S.	=	Journal of Royal Asiatic Society
M.	=	Masehi
m.	=	meninggal dunia
no.	=	Nombor
r.a.	=	<i>Raḍiya Allāh ‘anhu</i>
s.a.w.	=	<i>Ṣalla Allāh ‘alayhi wa sallam</i>
s.w.t.	=	<i>Ṣubḥānahu wa ta‘ālā</i>
Siyār	=	<i>Siyār as-Su‘īkīn</i>
t.p.	=	tanpa penerbit
t.t.	=	tanpa tarikh
terj.	=	Terjemahan

SENARAI RAJAH

- | | |
|---------|--|
| RAJAH 1 | - Silsilah Keluarga Al-Falimbāni |
| RAJAH 2 | - Pembahagian Ilmu Bagi Al-Ghazālī |
| RAJAH 3 | - Pembahagian Ilmu Mu ^ʿ āmalah Al-Ghazālī |
| RAJAH 4 | - Pembahagian Ilmu Bagi Al-Falimbāni |
| RAJAH 5 | - Pembahagian Ilmu Syari ^ʿ ah bagi Al-Falimbāni |
| RAJAH 6 | - Perjalanan Hati Kepada Allāh S.W.T. |

KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	IV
TRANSLITERASI	V
KEPENDEKAN	VIII
SENARAI RAJAH	IX
KANDUNGAN	X
PENDAHULUAN	1
<u>BAHAGIAN PERTAMA</u>		
<u>BAB SATU</u>		
TASAWUF DAN PERKEMBANGANNYA	
Pendahuluan	8
(A)		
TASAWUF		
Tasawuf Dalam Islam	8
a. Pengertian Tasawuf	10
b. Sumber Tasawuf	13
c. Perkembangan Tasawuf	17
Tasawuf Di Alam Melayu	23
(B)		
TAREKAT		
Tarekat Dalam Tasawuf	28
Sejarah Perkembangan Tarekat	29
Tarekat Di Alam Melayu	32
Konsep-Konsep Dalam Tarekat	34
a. Syeikh	35
b. Sālik	38
c. Bay ^o ah	40
d. Silsilah	41
e. Tawassul Dan Rabitah	45
f. Zikir	49

(C)

PERMASALAHAN DALAM TASAWUF	
Permasalahan Dalam Tasawuf Dan Tarekat	55

BAHAGIAN KEDUA

BAB DUA

LATARBELAKANG SYEIKH ^CABD AS-ŞAMAD AL-FALIMBĀNĪ	
Pendahuluan	61

(A)

SYEIKH ^CABD AS-ŞAMAD AL-FALIMBĀNĪ	
Sejarah Hidup Al-Falimbānī	61
a. Kelahiran	62
b. Keturunan	64
c. Kematian al-Falimbānī	67

(B)

PENDIDIKAN AL-FALIMBĀNĪ	
Sejarah Pendidikan Al-Falimbānī	69
a. Pendidikan Di Alam Melayu	70
b. Pendidikan Di Timur Tengah	71
Guru-Guru Dan Ulama Sezaman	75
Hasil Karya al-Falimbānī	76
Pengenalan Kitab <i>Siyar as-Sālikīn</i>	82

(C)

PENGARUH AL-FALIMBĀNĪ	
Sumbangan Dan Pengaruh Al-Falimbānī	90

BAHAGIAN KETIGA

BAB TIGA

KONSEP ILMU DAN PENDIDIKAN	
Pendahuluan	93

(A)

KONSEP ILMU

Konsep Ilmu Dalam Islam	93
Aspek Epistemologi Dalam Tasawuf	98

(B)

KONSEP ILMU AL-FALIMBĀNĪ

Konsep Ilmu Bagi Al-Falimbānī	101
Aspek Ilmu	103
Sumber Ilmu Bagi Al-Falimbānī	115
Konsep Ulama	119

(C)

KONSEP PENDIDIKAN

Konsep Pendidikan Dalam Islam	123
Konsep Pendidikan Al-Falimbānī	125
i. Kurikulum	127
a. Peringkat Dasar	127
b. Peringkat Pertengahan	128
c. Peringkat Tinggi	129
ii. Pendidikan Moral	131
a. Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak	132
b. Pendidikan Moral Kepada Orang Dewasa	135
iii. Disiplin Dan Akhlak Dalam Pendidikan	137
iv. Proses Pendidikan	141
V. Kaedah Pendidikan	143

BAB EMPAT

ZIKIR DALAM TAREKAT

Pendahuluan	151
-------------	-------	-----

(A)

KONSEP ZIKIR (DHIKR)

Zikir Dalam Islam	151
Zikir Dalam Tasawuf	155

(B)

KONSEP ZIKIR AL-FALIMBĀNĪ

Konsep Zikir Bagi Al-Falimbānī	160
--------------------------------------	-----

(C)

PELAKSANAAN ZIKIR

Kaedah Pelaksanaan Zikir	166
Amalan Zikir Secara Umum	168
i. Amalan Wirid Di Segi Kategori Manusia	168
ii. Amalan Wirid Mengikut Waktu	171
a. Amalan Wirid Siang	172
b. Amalan Wirid Malam	176
Amalan Zikir Secara Khusus	180
a. Sama ^c	181
b. Khalwah	184
c. Ratib	197

BAB LIMA

MANUSIA DAN MARTABAT HATI

Pendahuluan	202
-------------------	-----

(A)

KONSEP MANUSIA

Konsep Manusia Dalam Al-Quran	202
Konsep Manusia Dalam Tasawuf	206
Konsep Hati Dalam Al-Quran Dan Tasawuf	208

(B)

KONSEP MANUSIA AL-FALIMBĀNĪ

Konsep Manusia Bagi Al-Falimbānī	214
a. Konsep Hati	215
b. Proses Penyucian Diri	225

(C)

PERJALANAN HATI

Perjalanan Hati Kepada Allah	236
------------------------------------	-----

(D)

KATEGORI MANUSIA		
Kategori Manusia Mengikuti Martabat Hati	255

BAB ENAM

KONSEP TAUHID DAN PENDEKATANNYA		
Pendahuluan	264

(A)

KONSEP TAUHID DALAM TASAWUF		
Tauhid Dalam Al-Quran	264
Tauhid Dalam Tasawuf	269
Pendekatan Ahli Sufi Dalam Tauhid	273
Tauhid Dalam Kesusasteraan Tasawuf	288

(B)

KONSEP TAUHID AL-FALIMBĀNĪ		
Konsep Tauhid Bagi Al-Falimbānī	292
a. Pendekatan Ilmu Usuluddin	293
b. Pendekatan Ilmu Tasawuf	297

(C)

KATEGORI MANUSIA		
Kategori Manusia Dalam Aspek Tauhid	314
PENUTUP	321
BIBLIOGRAFI	330
LAMPIRAN		

PENDAHULUAN

Kedatangan Islam ke Alam Melayu khususnya secara menyeluruh pada abad ke-15 dan 16 Masehi¹ dianggap bermulanya suatu zaman baru; zaman yang membawa banyak perubahan dan pembaharuan di segi konsep hidup serta tradisi masyarakat melayu². Perubahan ini merangkumi semua bidang aktiviti kehidupan penduduk melayu, dari aspek pemakaian hingga kepada aspek politik dan pentadbiran³.

Suatu aspek yang terpenting dari proses pengislaman Alam Melayu adalah di segi ilmu dan pendidikan di mana kelangsungan agama Islam di rantau ini umumnya bergantung pada aspek ini. Aspek pengislaman ilmu ini menyaksikan kemasukan ramai ulama dari luar Alam Melayu mengajar tentang

¹Teori kedatangan Islam ke Alam Melayu umumnya boleh dibahagikan kepada dua sudut; pertama ialah di segi andaian iaitu didasarkan kepada logik di mana Islam telah masuk ke rantau ini semenjak zaman Nabi s.a.w. lagi iaitu melalui perhubungan perniagaan dan perdagangan, juga kerana keutamaan berdakwah dalam Islam, manakala kedua ialah di segi fakta sejarah di mana Islam bertapak di rantau ini seawal abad ke-9/12 berdasarkan peninggalan sejarah yang menjadi asas kepada aspek kedua ini seperti nisan, batu bersurat dan sebagainya, S.Q.Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, Singapore,1963, hlm.38-54; H.E.Wilson, 'The Islamization Of Southeast Asia: A Re-Assessment', *Journal Of Historical Research*, v.15,no.1, August,1972, hlm.1-7; T.W.Arnold, *The Preaching Of Islam*, Lahore, 1975, hlm.367-368; Ismail Hamid, *The Malay Islamic Hikayat*, Bangi, 1983, hlm.13; G.W.J.Drewes, 'New Light On The Coming Of Islam To Indonesia', *Reading On Islam In Southeast Asia*, Ahmad Ibrahim dll (ed.), Singapore,1985, hlm.7-19; Hamka, *Tafsir al-Azhar*, 30 juzuk, Jakarta, t.t.,29:295-296.

²Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya,cet.4,1990, hlm.49.

³*Ibid.*; S.Q.Fatimi, *op.cit.*, hlm.11; Ismail Hamid, *op.cit.*, hlm. 13-28; Muhammad Uthman el-Muhammady, *Memahami Islam, Insan, Ilmu Dan Kebudayaan*, Kota Bharu,1976, hlm.110-113.

Islam⁴ di samping tertubuhnya pusat-pusat pendidikan Islam yang berfungsi sebagai pusat pengajian tinggi selain dari Mekah⁵. Implikasi dari pengislaman ilmu ialah munculnya sejumlah ulama melayu yang bukan saja mendapat tempat di rantau ini malahan mendapat pengiktirafan masyarakat Islam umumnya apabila diberi penghormatan untuk menyampaikan kuliah di Masjid al-Haram. Para ulama ini juga aktif dalam menghasilkan karya terutama dalam bahasa melayu yang secara tidak langsung telah membentuk suatu konsep melayu sebagai suatu bangsa yang beridentiti⁶.

Dalam aspek ilmu, Tasawuf yang membicarakan aspek kerohanian merupakan salah satu ilmu yang mendapat tempat di kalangan masyarakat melayu. Pengajaran ilmu ini umumnya dalam dua pendekatan iaitu yang bercampur dengan unsur-unsur falsafah dan yang sebaliknya. Ajaran tasawuf dengan pendekatan pertama lebih dikenali sebagai ajaran *wujūdīyah*⁷ di rantau

⁴Th. W. Juynboll, "Acheh", E.I.², 1:742; B. Schrieke, *Indonesian Sociological Studies*, 2 Jilid, The Hague, 1957, 2:243.

⁵Dalam sejarah pendidikan Islam di Alam Melayu, pusat-pusat pengajian Islam didirikan seiring dengan tertubuhnya kerajaan Islam di rantau ini. Walaupun terdapat banyak pusat pengajian Islam tetapi yang termasyhur ialah di dua tempat iaitu di Acheh dan di Patani, Zakaria Ahmad, *Sekitar Kerajaan Acheh*, Medan, 1972, hlm.98; Hamka, "Acheh Serambi Mekah", A. Hasjmy (ed.), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*, Bandung, 1981, hlm.221-228.

⁶Syed Muhammad Naquib al-Attas, *op.cit.*, hlm.43

⁷Penggunaan istilah *wujūdīyah* merupakan nisbah bagi suatu pegangan dan pembicaraan ahli sufi berkenaan dengan aspek wujud Allāh s.w.t. iaitu dalam aspek *waḥdat al-wujūd*. Menurut Syekh Muḥammad Arsyad al-Banjārī, terdapat dua kategori *wujūdīyah* iaitu *wujūdīyah mulḥid* dan *wujūdīyah muwahḥid*, kategori pertama menurutnya menyimpang dari ajaran Islam sebenarnya kerana iktikadnya yang mengisbatkan persamaan dalam aspek wujud antara Allāh s.w.t. dengan makhluk, Muḥammad Arsyad al-Banjārī, *Tuḥfat ar-Rāghibin Fī Bayān Ḥaqīqat Īmān al-Mu'minīn*, Kota Bharu, t.t., hlm.17; Tj. De. Boer, "Wudjūd", E.I.¹, (s), hlm.262.

ini seperti yang dikembang oleh Ḥamzah al-Faṣṣūrī⁸ dan Syams ad-Dīn as-Sumatrānī⁹, manakala pendekatan kedua dikembangkan oleh kebanyakan ulama. Selepas abad ke-18, terdapat di kalangan ulama melayu memperkenalkan suatu pendekatan yang menggabung serta menyesuaikan dua pendekatan terdahulu dalam satu pendekatan seperti yang diusahakan oleh Syeikh ‘Abd as-Samad al-Falimbānī, Syeikh Dawūd al-Faṭānī (m.1847M)¹⁰ dan lainnya.

Dalam penulisan ini, al-Falimbānī menjadi tajuk perbincangan iaitu di segi kefahaman dan pegangan beliau dalam beberapa aspek dalam tasawuf.

⁸Ḥamzah Faṣṣūrī ialah antara ulama melayu terawal yang hidup di antara tahun 1550'an hingga 1600'an, beliau dilahirkan di utara sumatera iaitu di Aceh, tarikh lahir dan mati beliau tidak diketahui secara tepat, begitu juga dengan sejarah hidupnya tetapi kemungkinan beliau hidup semasa pemerintahan Sultan ‘Alā’ ad-Dīn Ri‘āyah Shah (1588-1604), beliau mendapat pendidikan awalnya di sekitar Alam Melayu seperti Aceh, Pahang, Banten, seterusnya di Timur Tengah seperti di Mekah, Baghdad dan Jerusalem, beliau telah menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa dengan baik iaitu melayu, arab dan parsi. Di Alam Melayu, beliau terkenal dengan ajaran tasawufnya yang dianggap ekstrim seperti yang dibawa oleh Ibn ‘Arabī (m.638/1240) dalam sejumlah hasil karya beliau sama ada berbahasa arab maupun melayu, lihat P.Voorhoeve, "Ḥamza Faṣṣūrī", E.I.², 3:155; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *The Mysticism of Ḥamzah Faṣṣūrī*, Kuala Lumpur,1970; Muhammad Bukhari Lubis, *The Ocean Of Unity*, Kuala Lumpur,1993, hlm.274-283..

⁹Syams ad-Dīn berasal dari Pasai, Sumatera, manakala istilah as-sumatrānī ialah perkataan melayu 'samudera' yang bermaksud pantai dan telah diarakkan, samudera juga merujuk kepada satu kerajaan Melayu-Islam iaitu Kerajaan Samudera-Pasai, tarikh kelahiran beliau tidak diketahui secara tepat tetapi disekitar akhir abad ke-16M, beliau adalah seorang ulama melayu yang menguasai ilmu-ilmu Islam dalam segenap bidang, keintelektualan beliau ini menjadikan beliau seorang yang berpengaruh di istana. Dalam bidang tasawuf, beliau merupakan pelapis selepas Hamzah Fansuri di samping mempertahankan ajaran Hamzah, beliau juga seorang produktif dalam penghasilan karya sama ada berbahasa melayu atau arab, beliau meninggal dunia pada 1039/1630, Teuku Iskandar, 'Shamsuddin as-Sumeterani: Tokoh Wujudiyah', *Tokoh-tokoh Sastra Melayu Klasik*, Mohamad Daud Mohamad (ed.), Kuala Lumpur,1987, hlm.46-47; C.C.Berg, "Shams al-Dīn Ibn ‘Abd Allāh al-Sumatrānī", E.I.¹,4:310-311; Hawash Abdullah, *Perkembangan Ilmu Tasawuf Dan Tokoh-tokohnya Di Nusantara*, Surabaya, 1980, hlm.42-43; R.O.Winstedt, *A History Of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur,1977, hlm.143.

¹⁰Ajaran Tasawuf Syeikh Dawūd al-Faṭānī dengan pendekatan tersebut boleh dilihat dalam karya beliau *Manhal as-Ṣāfi Fi Bayān Rumūz Ahl as-Ṣūfi* (Kota Bharu, Pustaka Aman Press,t.t.) dan dalam edisi rumi yang diusahakan oleh Wan Mohd. Saghir Wan Abdullah bertajuk *Manhalush Shafi Syeikh Daud al-Fatani* (Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah,1992).

Beliau merupakan salah seorang yang memainkan peranan utama dalam perkembangan tasawuf di Alam Melayu kerana sumbangan beliau dalam aspek ilmu ini. Dalam sejarah perkembangan tasawuf di rantau ini, beliau dianggap orang yang pertama membawa pengaruh Imam al-Ghazālī (505/ 1111)¹¹ secara menyeluruh¹² melalui terjemahan dua karya al-Ghazālī iaitu *Ihyā' 'Ulūm ad-Dīn* dan *Bidāyat al-Hidāyah* dengan judul *Siyar as-Sālikīn* dan *Hidāyat as-Sālikīn*¹³ di samping menyesuaikan antara dua aliran tasawuf dalam satu pendekatan. Usaha beliau ini telah mempengaruhi perkembangan tasawuf kemudiannya walaupun terdapat mereka yang tidak bersetuju dengan percampuran dua aliran tersebut. Kritikan dan penentangan terhadap pendekatan ini secara jelas timbul terutama selepas abad ke-19M, akan tetapi dalam warisan kesusasteraan Islam Melayu, hanya seorang ulama iaitu Syeikh Ahmad

¹¹ Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad, lahir pada 450/1058 di Tūs, Khurāsān, Iran, dengan gelaran masyhurnya al-Ghazālī. Beliau dianggap sebagai salah seorang ahli fikir Islam yang terkemuka kerana idea dan sumbangan beliau terhadap ilmu pengetahuan dan pemikiran. Beliau juga dianggap sebagai seorang ahli falsafah dan ahli sufi di samping membuat beberapa pembaharuan dalam pemikiran tasawuf, beliau meninggal dunia pada tahun 505/1111 di kampung halamannya, lihat Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A'ʿyān Wa Anbā' az-Zamān*, 8 Jilid, Bayrut, 1978, 4:216-219; as-Subkī, *Tabaqāt as-Syāfi'iyah al-Kubrā*, 6 Jilid, Qaḥerah, 1950, 4:101; W. Montgomery Watt, "Al-Ghazālī", *E.I.*², 2:1038-1041; Idem, *Muslim Intellectual: A Study Of Al-Ghazali*, London, 1963; 'Abd ar-Raḥmān Badawī, *Mu'allafāt al-Ghazālī*, Qaḥerah, 1961.

¹² Sebelum al-Falimbānī, karya al-Ghazālī di Alam Melayu adalah berupa petikan-petikan tertentu dalam karya ulama melayu atau dalam bentuk pemikiran, apabila al-Falimbānī mengambil inisiatif menterjemahkan karya al-Ghazālī, beliau dianggap membawa pengaruh tokoh ini secara langsung dan menyeluruh, usaha beliau ini seterusnya diikuti oleh ulama melayu lain seperti Syeikh Dawūd al-Faṭānī yang menterjemahkan karya al-Ghazālī *Minhāj al-ʿĀbidīn*, lihat Ammad Daudy, *Allah Dan Manusia Dalam Konsepsi Syeikh Nuruddīn ar-Raniry*, Jakarta, 1983, hlm.148; al-Ghazālī, *Minhāj al-ʿĀbidīn*, terj. Dawūd al-Faṭānī, Pulau Pinang, t.t.

¹³ Untuk tujuan rujukan bagi dua karya al-Falimbānī ini, penulis akan merujuk kitab *Siyar as-Sālikīn* terbitan Qaḥerah, 1953 (ʿIsā al-Bābī al-Ḥalabī) dan Pulau Pinang, tanpa tarikh (Maktabah Dār al-Ma'ārif), manakala bagi kitab *Hidāyat as-Sālikīn* ialah terbitan Qaḥerah, 1341H (Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī) dan Pulau Pinang, tanpa tarikh (Maktabah Dār al-Ma'ārif).

Khatib bin 'Abd al-Laṭīf al-Minkabawī (m.1916M)¹⁴ yang menenentang secara total dalam satu karya yang khusus iaitu *Syumūs al-Lāmi'at Fī Bid'ī Ahl as-Sab'ah*¹⁵.

Walaupun al-Falimbānī telah meninggalkan suatu sumbangan berharga terutamanya di segi keilmuan dan pemikiran khususnya bagi masyarakat Melayu di rantau ini, suatu pengenalan yang lengkap tentang biodata serta biografi mengenai beliau masih belum mampu dibentang justeru kekurangan bahan dan sumber yang berkaitan. Dalam aspek pemikiran beliau, setakat ini kajian secara langsung mengenai beliau hanya boleh dilihat dari dua sumber, pertamanya dari Muhammad Uthman el-Muhammady yang membicarakan tentang konsep pendidikan oleh tokoh tersebut¹⁶ dan kedua dari M.Chatib Quzwain yang membicarakan tentang aspek tasawuf yang dibawa oleh beliau¹⁷.

¹⁴Syeikh Aḥmad Khatīb lahir pada 1855 atau 1860M, mendapat pendidikan awal di tempat kelahiran dan pendidikan lanjutan di Mekah seterusnya menjadi seorang ulama Melayu dan seorang guru di Masjid al-Haram hingga kematiannya pada 1916M. Beliau dianggap pelopor pada gerakan reformis Islam di Nusantara dan Indonesia khususnya, walaupun bermastautin di Mekah, idea-idea beliau dikembangkan sama ada melalui murid-muridnya atau melalui karya beliau seperti *Izhār zaghl al-Kādhībīn Fī Tasyabubihim Bi as-Ṣiddīqīn, al-Āyat al-Bayyināt Li Munṣifī Fī Izālat Khurafāt Ba'd al-Muta'aṣṣibīn, as-Sayf al-Baṭṭār Fī Maḥq Kalimat Ba'd Ahl al-Istighrār* dan lainnya, lihat Hamka, Ayahku, Jakarta, 1967, hlm.250; Deliah Noer, *The Modernist Muslim Movement In Indonesia 1990-1942*, hlm.31-33; Karel A.Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam Di Indonesia Abad ke-19*, hlm.139-148.

¹⁵Aḥmad Khatīb al-Minkabawī, *Syumūs al-Lāmi'at Fī Bid'ī Ahl as-Sab'ah*, Makah, 1937; Lutpi Ibrahim, *Antologi Pemikiran Islam*, Shah Alam, 1993, hlm.174-188.

¹⁶Kajian beliau dalam bentuk artikel bertajuk *The Concept Of Education According To Shaykh 'Abdu's-Samad Of Palembang And Its Significance In Relation To The Issue Of Personality Integration* termuat dalam *Akademika*, Julai, 1972 (hlm.59-83). Artikel ini kemudiannya dimuatkan dalam buku beliau *Peradaban Dalam Islam*, Kota Bharu, (Pustaka Aman Press) 1976, (hlm.164-206).

¹⁷Karya beliau bertajuk *Mengenal Allah Suatu Studi Mengenai Ajaran Tasawuf Syaikh Abdus Samad al-Palimbani* dalam dua versi penerbitan iaitu edisi Jakarta (Pt.Bulan Bintang) 1985, dan edisi Selangor (Thinker's Library Sdn Bhd) 1986. Karya ini berasal dari hasil kajian beliau untul mendapat ijazah doktor falsafah di IAIN, Syarif Hidayatullah, Jakarta pada 1984 di bawah tajuk *Tasawuf 'Abdus-Samad al-Palimbani*.

Penulisan ini adalah sebagai suatu percubaan penulis untuk menganalisa beberapa fahaman al-Falimbānī dalam tasawuf. Walaupun pendekatan ajaran tasawuf beliau mempertemukan titik kesamaan antara dua aliran tasawuf, percubaan beliau ini masih juga dipertikaikan dalam beberapa aspek fahamannya. Antara isu yang dipertikaikan ialah masalah zikir dan keadah perlaksanaannya yang dikatakan terpengaruh dari ajaran Buddha-Hindu di samping terdapat unsur syirik padanya. Aspek lain ialah mengenai martabat nafsu atau hati yang mempunyai tujuh peringkat semuanya, aspek ini berkait pula dengan aspek alam yang merupakan suatu manifestasi dari kewujudan Allāh s.w.t. yang dikenali dengan istilah martabat tujuh. Kedua aspek ini merujuk pada suatu kefahaman bahawa hati atau nafsu manusia mampu menjangkau dari tarafnya yang rendah kepada suatu peringkat yang tinggi yang hampir dengan Allāh s.w.t. apabila nilai-nilai dosa disuci sepenuhnya dari diri, seterusnya menyedari tentang hakikat wujud Khalik dan makhluk dengan implikasinya yang memungkinkan seseorang individu kembali ke tempat asalnya yang suci iaitu di sisi Allāh s.w.t. Walaupun fahaman ini di terima pada abad tersebut serta mendapat sokongan dari ulama sezaman, tetapi ia juga mendapat kecaman dengan dakwaan sebagai khurafat dan termasuk dalam ajaran sesat terutama pada abad selepasnya¹⁸.

Penulisan ini seterusnya adalah behasrat untuk membuat analisa terhadap beberapa fahaman yang dipertikaikan tersebut berdasarkan karya al-

¹⁸Untuk melihat beberapa contoh aspek kefahaman dalam ajaran tasawuf yang dikaitkan dengan ajaran sesat lihat Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur, 1992.

Falimbānī *Siyar as-Salikin* di samping karya yang lain sebagai sokongan. Pendekatan sejarah digunakan iaitu yang bersumberkan dari hasil karya atau penyelidikan para sarjana yang memiliki kewibaaan dalam bidang mereka untuk tujuan pemerhatian dan sebagai landasan untuk membuat perbandingan. Semua data tersebut dianalisa sama ada untuk tujuan secara khusus atau umum di samping membuat suatu perbandingan. Keseluruhan penulisan ini lebih menjurus pada kajian lapangan yang merujuk kepada penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dipilih untuk diteliti dan dikaji, kedua ialah kajian kepustakaan dengan pengamatan ditumpu terutamanya pada dokumen berkaitan seperti buku, jurnal, majalah dan bahan-bahan bertulis lain.